

TARIKH	23 / 04 / 2014	SEKSYEN	DUNIA
MUKA SURAT	34	RUANGAN	



Penumpang melalui mesin pengimbas di kawasan kuaran (in perubatan) di balai ketibaan Lapangan Terbang Antarabangsa Manila di Paranaque, selatan Manila, pada 16 April lalu berikutan penularan MERS-CoV di Arab Saudi. (FOTO AP)

Al-Rabiah bercakap pada sidang media di Riyadh pada Ahad lalu, sehari sebelum dipecat. (FOTO REUTERS)

Menteri Kesihatan Arab Saudi dipecat

▶ **261 KES** jangkitan didaftarkan di Arab Saudi sejak penemuan MERS-CoV pada September 2012

» Jumlah kematian akibat MERS-CoV meningkat kepada 81 kes

► Riyadh

Raja Arab Saudi, Raja Abdullah Saudi memecat menteri kesihatan negara itu Abdullah al-Rabiah kelmarin, pada ketika jumlah kematian akibat virus Sindrom Pernafasan Asia Barat - Virus Korona (MERS-CoV) di negara itu meningkat kepada 81 dan kes jangkitan turut meningkat.

Agensi berita negara itu melaporkan bahawa menteri buruh Adel Faqih mengambil tugas sementara sebagai menteri kesihatan sehingga seorang pengganti dipilih.

Tiada sebab diberikan atas pemecatan itu, tetapi ia berlaku ketika negara itu sedang berusaha keras untuk mengawal MERS-CoV daripada merebak.

Penduduk dilanda panik Al-Rabiah, minggu lalu melawat hospital di Jeddah untuk menenangkan penduduk yang dilanda panik berhubung penularan virus berkenaan di kalangan kakitangan perubatan yang mencetuskan penutupan sementara bilik kecemasan hospital.

Sementara itu kementerian kesihatan lewat kelmarin menyatakan seorang warga Arab Saudi berusia 73 tahun yang menderita penyakit kronik meninggal dunia di Riyadh, dan seorang lagi yang didiagnos dengan virus itu berusia 54 tahun, di Jeddah.

Kementerian berkata, ia mendaftarkan 261 kes jangkitan di seluruh negara itu sejak penemuan MERS-CoV pada September 2012.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) berkata pada 17

April lalu, ia dimaklumkan mengenai 243 kes jangkitan MERS-CoV yang disahkan makmal di seluruh dunia, termasuk 93 kematian.

MERS-CoV pada awalnya bertumpu di timur Arab Saudi tetapi kini melanda kawasan lain.

Bawa maut

Virus berkenaan dianggap membawa maut tetapi kurang dipindahkan berbanding virus Sindrom Pertahanan Akut Teruk (SARS) yang melanda Asia pada 2003 dan menjangkiti 8,273 orang, sembilan peratus daripadanya meninggal dunia.

Pakar masih berusaha memahami MERS-CoV dan masih tiada vaksin.

Kajian terbaru menunjukkan virus berkenaan amat biasa pada unta sekurang-kurangnya sejak 20 tahun lalu, dan mungkin dipindahkan secara langsung daripada haiwan kepada manusia.

AP/AFP



Kakitangan perubatan di luar jabatan kecemasan Hospital Riyadh, pada 8 April lalu. (FOTO AFP)